

LAPORAN NAIB CANSELOR

Tirai 2007 dibuka oleh Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dengan beberapa pemacu baru kejayaan. Tidak lama setelah ditubuhkan, bersama-sama dengan rakan-rakan dalam Technical University College Network of Malaysia (kini dikenali sebagai Malaysia Technical University Network (MTUN)), UniMAP memperjuangkan pengangkatan taraf kolej universiti menjadi universiti seperti universiti-universiti awam yang lain di dalam negara. Isu nama kelihatan remeh, tetapi berkait amat rapat dengan imej UniMAP sebagai institusi pengajian tinggi awam. Hal ini terbukti apabila UniMAP dan rakan-rakan dalam MTUN dinaikkan tarafnya sebagai universiti pada 1 Februari 2007, di samping pengaruh beberapa faktor lain, bilangan pelajar yang memohon memasuki UniMAP semakin bertambah.

Sejarah dengan kenaikan taraf itu UniMAP, yang membuat persediaan awal, mengubahkan visi dan misinya. Istilah berdaya saing atau competitive yang terkandung dalam visi baru UniMAP, Institusi Akademik dan Penyelidikan yang Berdaya Saing di Persada Antarabangsa, seperti yang diharapkan, telah dapat menjadi agen perubah budaya organisasi. UniMAP tidak lagi obses untuk menjadi world class university, tetapi mula bergerak di atas landasan yang lebih realistik dengan panduan makna konsep berdaya saing. UniMAP sedar bahawa setiap hela nafas, keputusan dan tindakannya perlu disuntik seawal mungkin dengan semangat berdaya saing kerana akhirnya kedaya saingannya (dengan kefahaman tentang konsepnya daya saing yang luas) itulah yang akan melonjakannya menjadi universiti lokal bertaraf global.

Mulai saat perubahan itu, warga UniMAP mula menterjemah konsep berdaya saing dalam apa jua aktiviti yang membina UniMAP sebagai institusi pendidikan tinggi awam yang mahu 'Molahirkan Modal Insan Kamil yang Menyumbang kepada Agenda Pembangunan dan Daya Saing Industri Negara' yang menjadi misi barunya. Dalam tafsiran UniMAP usaha melahirkan modal insan kamil atau holistik bukan sahaja melibatkan mahasiswa sebagai antara 'pelanggan' utama, malah mencakupi setiap kakitangan yang membina kewujudannya. Sebagai institusi yang menjalani proses pembelajaran berterusan, UniMAP sedar bahawa kakitangannya perlu dipupuk dengan nilai-nilai murni sehingga wujud suatu budaya korporat yang tersohor yang dapat mempercepat proses institusi ini mencapai tahap kematangan dan kecemerlangan.

Untuk menyeferakan proses mencemerlangkan UniMAP, dan dengan mengambil kira maklumat-maklumat yang terkandung di dalam Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara (PSPTN), pegawai-pegawai utama dengan

sokongan dan dokongan beberapa banyak kakitangan akademik dan pentadbiran yang lain segera menetapkan hala tujunya yang baru dan menggariskan tujuh teras strategik sebagai asas dan landasan perancangan bagi tahun 2008-2010 iaitu:

- » Memantapkan hala tuju akademik,
- » Memartabatkan kurikulum berorientasikan praktikal,
- » Menggembangkan penyelidikan dan inovasi,
- » Mempergiat program pengantarabangsaan,
- » Melestarikan pembangunan modal insan dan mempermurni konsep kampus teragih.
- » Menyumbang kepada pembangunan agroindustri watan, dan
- » Mempermantap tadbir urus, sistem penyampaian dan menjana sumber kewangan.

Berasaskan tujuh teras strategik yang digariskan UniMAP mula memperhalus setiap langkah yang perlu dilaksana supaya terus relevan pada masa akan datang sebagai universiti yang berdaya saing. Dan, dalam masa yang sama UniMAP turut dimasyhurkan oleh Canselor, DYTM Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail yang dilantik bagi penggal kedua mulai 1 Februari 2007. Tidak syak lagi bahawa DYTM Tuanku Canselor akan menjadi mangkin utama yang dapat menyemarakkan semangat dan mencambangkan idea-idea baru dalam usaha melonjakkan UniMAP sebagai institusi pendidikan tersohor pada masa akan datang.

Dalam usaha memperkuuh ketumbukan sumber manusia dan modal insannya, dalam tahun semasa UniMAP mendapat peruntukan sebanyak 136 jawatan pelbagai gred. Daripada jumlah itu, 65 daripadanya ialah jawatan akademik, dan 71 jawatan bukan akademik. Sehingga 31 Disember 2007, bilangan keseluruhan jawatan yang diluluskan ialah 713, sementara jawatan yang diisi ialah sebanyak 685 (96.1%) iaitu pertambahan sebanyak 140 orang (25.7%) berbanding dengan bilangan kakitangan dalam tahun 2006. Dari segi komposisi, tiga orang (0.43%) daripadanya tergolong dalam kategori pengurusan tertinggi, 324 orang (47.29%) kakitangan akademik, 99 orang (14.5%) kakitangan bukan akademik dan 259 orang (37.8%) kakitangan kumpulan sokongan.

Di samping itu, demi menghargai kepakaran dalamannya, sebanyak dua belas orang kakitangan akademik dinaikkan pangkat: dua orang kakitangan dinaikkan pangkat ke jawatan Profesor, tiga orang ke Jawatan Profesor Madya (DS54) dan tujuh orang ke jawatan Pensyarah Kanan (DS52). Pada penghujung tahun 2007, UniMAP menerima Bendahari baru iaitu Puan Saodah Hassan yang dipinjamkan oleh Jabatan Audit Negara bagi mengganti

VICE CHANCELLOR'S REPORT



The new 2007 curtain is pulled opened by Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) with several new drivers of success in place. Not long after being formed, together with friends in the Technical University College Network of Malaysia (now known as Malaysian Technical University Network (MTUN)), UniMAP strives to raise her status to that of a university so as to be side by side with other public universities in this country. The name issue seems trivial, but it is connected very closely with the image held by UniMAP as a public higher learning institution. This is proven when UniMAP and other MTUN members upgraded their status to university in February, 1st 2007, together with the influence of several other factors, the number of students entering UniMAP, has increased tremendously.

Parallel with the rise in position, UniMAP, has made early preparation by altering her vision and mission. The term "Competitive" is included in UniMAP's new vision; to become An Internationally competitive Academic and Research Institution. UniMAP is now no longer obsessed to be a world class university, but begins to move on track to a more realistic world with the guidance of this competitive concept. Aware of this situation, UniMAP believes that his decision and action must be injected, as early as he can, with viable enthusiasm because only this comprehensible concept of competitiveness can make local university a globalized one.

Starting from that point, UniMAP's members have begun to incorporate this viable concept of competitiveness in whatever constructive activities held by UniMAP. This is to meet the university's mission to produce a holistic human capital that contributes to the nation's development and industrial competitiveness agenda. UniMAP's efforts to produce a holistic and perfect human capital, not only involve undergraduate as among major 'customer', but, in fact include every employee nationwide. As the institution undergo continued learning process, UniMAP is aware that his staff need to be nurtured with noble values so that it will create a famous corporate culture that can speed up this institutional process in reaching the maturity level of excellencies.

LAPORAN NAIB CANSELOR

UniMAP

Tuan Haji Ayob Ismail yang tamat tempoh kontrak perkhidmatannya. Bagi meningkatkan kualiti modal insan di bidang akademik, kelulusan diberikan kepada 72 orang kakitangan akademik untuk melanjutkan pengajian di peringkat sarjana dan doktor falsafah di universiti di dalam dan luar negara melalui Skim Latihan Tenaga Pengajar Akademik (SLTPA), manakala 24 orang dihantarkan melanjutkan pengajian di bawah Skim Pengajian Lanjutan Kakitangan Akademik (SPLKA).

Dalam usaha memperhebat jentera akademiknya, sebuah pusat kecemerlangan matematik ditubuhkan pada 1 Januari 2007 yang diberi nama Institut Matematik Kejuruteraan (IMK). Institut ini berperanan antara lain menawarkan semua kursus matematik kejuruteraan peringkat prasiswazah, serta program sarjana dan doktor falsafah. IMK turut berperanan sebagai pusat pengembangan dan pembinaan ilmu matematik kejuruteraan yang memberikan fokus pada pembangunan dan penggunaan pendekatan matematik kejuruteraan terkini dalam teknologi semasa dan masa hadapan, di samping menjadi pusat rujukan dan penawaran perkhidmatan kepakaran dalam bidang kaedah penyelidikan matematik kejuruteraan, kaedah statistik dan perisianya.

Dalam pendekatan pentadbirannya, UniMAP memilih untuk menuahkan beberapa banyak unit yang bersaiz kecil supaya setiap urusannya dapat ditangani dengan efektif dan efisien. Untuk menyokong kursus keusahawan yang ditawarkan oleh Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan (PKKK), Unit Enterpris Kecil dan Sederhana (SME) ditubuhkan pada 1 Mac 2007. Unit ini bertanggungjawab menawarkan kursus-kursus jangka pendek dan panjang dalam bio dan teknologi keusahawanan; memperkembang ilmu keusahawanan yang dapat memberikan manfaat kepada masyarakat, terutamanya dalam aspek pembangunan perusahaan Industri Kecil Sederhana dan menyalurkan maklumat keusahawanan di samping mengadakan aktiviti yang berkaitan dengan pembangunan keusahawanan seperti klinik keusahawanan dan pameran khusus untuk para mahasiswa UniMAP dan masyarakat.

Selain itu, Unit Pembangunan Agroteknologi turut ditubuhkan pada 1 Mac 2007. Unit ini berperanan antara lain menggembangkan kepakaran kejuruteraan melalui aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang berkaitan dengan pertanian dan makanan bagi melonjakkan penghasilan teknologi pertanian lestari; menghasilkan teknologi dan melahirkan pakar dalam bidang pertanian sehingga mencapai tahap yang lebih berkesan dan dapat menambahkan nilai aktiviti hiliran dan huluhan seterusnya memantapkan agro-industri negara;

membangunkan kemudahan makmal dan stesen penyelidikan pertanian sebagai pusat latihan amali; dan menyediakan dan melaksana aktiviti yang berkaitan dengan pemindahan dan pengkomersialan teknologi yang meliputi bidang agroindustri.

Unit Pembangunan Lestari (UPL) pula ditubuhkan pada 15 September 2007 dan mula beroperasi sepenuhnya pada 3 Disember 2007. Unit Pembangunan Lestari berperanan menyelaraskan dan mengerakkan penganjuran kursus-kursus jangka pendek sama ada kursus yang menjana kewangan atau bukan bersifat komersial (sebagai usaha mendokong konsep pembelajaran berterusan), menyelaraskan seminar-seminar seperti syarahan umum, syarahan pelantikan profesor dan lain-lain yang berkaitan dengan akademik, serta menjadi pusat rujukan dan khidmat nasihat kepada pusat-pusat pengajian yang berhasrat menganjurkan seminar peringkat kebangsaan dan/atau antarabangsa. Dalam jangka masa panjang, UPL berfungsi memasarkan kepakaran dan teknologi UniMAP yang mampu menjana kewangan universiti secara dalaman.

Selanjutnya, untuk meluaskan akses aspek akademiknya UniMAP turut menawarkan satu program pengajian yang baru iaitu Program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Polimer) yang dikendali oleh Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan. Dengan penambahan ini, kini UniMAP, melalui lapan buah pusat pengajian, menawarkan 16 program pengajian peringkat ijazah sarjana muda. Di bawah flagship lapan buah pusat pengajian inilah, dalam usaha menyahut seruan kerajaan untuk melahirkan lebih banyak jurutera yang cemerlang, UniMAP menerima kemasukan 1,388 orang mahasiswa baru bagi sidang akademik 2007/08 dengan komposisi 294 orang bagi program diploma (jumlah keseluruhan penuntut diploma semasa ialah 525 orang atau 13.83% daripada jumlah keseluruhan penuntut) dan 1,133 orang bagi program ijazah sarjana muda (jumlah keseluruhan mahasiswa ijazah sarjana muda semasa ialah 3,115 orang atau 82% daripada jumlah keseluruhan penuntut). Bagi peringkat pascasiswazah pula, UniMAP menerima sebanyak 66 orang penuntut baru bagi Ijazah Sarjana Sains (jumlah keseluruhannya ialah 113 atau 2.98% daripada jumlah keseluruhan penuntut) dan 14 orang penuntut baru Ijazah Doktor Falsafah (jumlah keseluruhan penuntut Ph.D semasa ialah 44 orang atau 1.16% daripada jumlah keseluruhan penuntut). Di samping itu, sebanyak lapan lagi program ijazah sarjana muda kejuruteraan melalui proses penilaian kualiti untuk mendapatkan akreditasi daripada Engineering Accreditation Council (EAC), dan penilaian kualiti pada kali ini turut disertai oleh penilaian dari Washington Accord.

VICE CHANCELLOR'S REPORT



In order to expedite this glorify process, UniMAP, with the support from the key officials and many other academic and administration staff, has taken into his account all the information contained in the Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara (PSPTN). UniMAP has made a quick move to fix his new direction and outline seven strategic core as the basic planning track to the year of 2008-2010 namely:

- » To stabilize academic direction,
- » To rank high practical curriculum-oriented,
- » To glamorize research and innovation,
- » To encourage international programme
- » To uphold human capital development and sustain distributed campus concept
- » To contribute to the development of agro-industry, and
- » To alleviate management, delivery system and generate financial resources.

Based upon these core, UniMAP has started to refine each step that need to be implemented in his way to become one of those competitive universities. And fortunately, at the same time, DYT Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail has been appointed to be the chancellor on the 1st February 2007. No more doubt that DYT Tuanku Chancellor will become a major catalyst who can arouses spirits and germinates new ideas in boosting UniMAP as a famous educational institution in the future.

In his efforts to strengthen up human-resources force and his human capital, UniMAP has been given an allocation of as many as 136 various post grade. Of the number, 65 were academic posts, and 71 posts were for non-academic. Until 31st December 2007, overall number of approved post were 713, with as many as 685 (96.1%) occupied posts. This view a great expansion of 140 people (25.7%) over with deep number of personnel in year 2006. In terms of composition, three people (0.43%) pertained in top management category, 324 people (47.29%) academic staff, 99 people (14.5%) non-academic staff and 259 people (37.8%) supporting staff.

In addition, as many as twelve academic staff were upgraded to a higher position: two staff were promoted to the Professor post, three people to Readership (DS54) and seven people to the Senior Lecturer post (DS52). By the end of 2007, UniMAP has received new treasurer, Puan Saodah Hassan, who was lent by National Audit Department to replace Tuan Haji Ayob Ismail. In order to increase the human capital quality in academic field, approval were given to 72 academic staff to extend their education in master and PhD level locally or overseas under SLTPA, while 24 people were sent to further their

studies under SPLKA.

In the efforts of intensifying academic matters, Institut Matematik Kejuruteraan (IMK), was established in January 1st , 2007 This institute with its role, among others, offers all engineering mathematical courses for undergraduate level ,post-graduate programme and doctor of philosophy. IMK which is also taking a role as a development centre pay its focus to the development and the use of up-to-date engineering mathematical approach in the current technology and future, by becoming a referral centre and supply expertise in the field of mathematical engineering research method, statistical method and software.

In his management approach, UniMAP has decided to set up several other miniaturized units so that every transaction can be effectively and efficiently keep track. To back up the entrepreneurship courses offered by Centre for Communication Skills and Entrepreneurship, known as (PKKK), a Small Medium Enterprise Unit (SME) was established on 1st March, 2007.

This unit is responsible for long and short-term courses in bio and techno- entrepreneurship. This unit is also responsible to expand entrepreneurial knowledge that can respond and give benefit to the society, especially in the development of small scale industry. This unit is accountable to provide entrepreneurial information by planning activities that are related to entrepreneurial development as entrepreneurial clinic and for counters specific exhibition held by UniMAP's undergraduate and society.

Apart from that, Agro-technology Development Unit was also formed on the 1st March 2007. This unit is accountable to unify engineering expertise through research activities and development (R & D), those related with agriculture and food supply that boost permanent agricultural technology production. It is also responsible to produce new technologies and experts in the areas of agriculture until it achieves a more effective level. This unit is also liable to develop laboratory facilities and function as agricultural research station that prepares and implements activities related to the technology commercialization which covered in agro -industry field.

Sustainable Development Unit was also established in September 15th, 2007 and began to fully operate in December 3rd, 2007. This unit has the role of coordinating and moving short-term proposition courses; either financial-generate course or uncharacteristic commercial (as support for the continued -educational concept).

LAPORAN NAIB CANSELOR

UniMAP

Bilangan mahasiswa yang bergraduat dalam Istiadat Konvokesyen UniMAP Ke-2 yang diadakan pada 17 Ogos 2007 ialah 559 orang; 550 orang terdiri daripada mahasiswa ijazah sarjana muda kejuruteraan daripada sepuluh program pengajian dan sembilan orang penuntut ijazah sarjana sains daripada lima program pengajian. Dalam istiadat yang sama, UniMAP turut menganugerahkan Ijazah Kehormat kepada Y.Bhg. Dato' Ramli Abas, mantan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti sebagai menghargai sokongan beliau terhadap kemajuan universiti ini. Anugerah Pelajaran Diraja turut dianugerahkan buat pertama kalinya dalam istiadat yang berkenaan kepada dua orang mahasiswa terbaik iaitu Mohammad Sabry Alias daripada Program Kejuruteraan Perhubungan dan How Kian Boon daripada Kejuruteraan Pembuatan.

Penyelidikan memainkan peranan penting dalam usaha menentukan kualiti pengajaran sesebuah universiti. UniMAP berjaya menggerakkan penyelidikannya ke tahap yang lebih meyakinkan. Sepanjang tahun 2007, para penyelidik UniMAP menerima peruntukan geran Science Fund sebanyak RM5,249,912.00 dan geran jangka pendek berjumlah RM209,000.00. UniMAP turut menerima geran penyelidikan bernilai US19,000 di bawah Agilent Diversity Grant.

Para penyelidik UniMAP turut aktif menyertai pelbagai pameran penyelidikan di dalam dan luar negara sebagai usaha meletakkan asas-asas yang kukuh untuk berdaya saing di medan lokal dan global. Dalam tahun semasa UniMAP berupaya merangkul pelbagai pingat bagi setiap produk penyelidikan yang dipertandingkan. Daripada 28 produk penyelidikan yang dihantarkan ke Pameran 18th International Invention, Innovation, Industrial Design & Technology Exhibition (ITEX), UniMAP merangkul enam pingat emas, 11 pingat perak dan sembilan pingat gangsa. Yang lebih membanggakan ialah dua hasil penyelidikan UniMAP dianugerahi anugerah khas antarabangsa; produk penyelidikan Silicon Nanowire menerima Genius Award dari Hungary, manakala produk penyelidikan Kayan 1: A Particle Board From Rice Husk diiktiraf sebagai produk penyelidikan terbaik dan menerima anugerah International Federation Of Inventors (IFI). UniMAP turut menempa kejayaan di Pameran Malaysian Technology Expo (MTE) 2007 apabila ketiga-tiga produk penyelidikan yang dipertandingkannya memenangi pingat iaitu satu pingat emas, satu pingat perak, dan satu pingat gangsa. Dalam Pameran PECPITA pula, sebanyak 27 produk penyelidikan dipertandingkan dan sepuluh daripadanya mendapat pengiktirafan: satu pingat emas, empat pingat perak dan lima pingat gangsa.

UniMAP turut menempa kejayaan cemerlang di pameran penyelidikan antarabangsa dengan memperolehi satu pingat emas, satu pingat perak dan dua pingat gangsa di Pameran Geneva 35th International Exhibition Of Invention New Techniques and Products, satu pingat emas di Inventions Presented by IFIA Office At International WARSAW Invention Show-IWIS, dan satu pingat perak di Invention & New Product Exposition (INPEX) USA, satu pingat perak dan satu pingat emas di Pameran International Trade Fair-Ideas-Inventions-New Products (IENA 2007), dan satu pingat emas di Pameran Brussels Innova Energy (EUREKA).

Penyertaan kakitangan UniMAP dalam bidang sukan turut mencatat pencapaian cemerlang sepanjang tahun 2007. Pada 16-23 Jun 2007, UniMAP menjadi tuan rumah kepada Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia. Kejohanan kali ke-32 ini berjaya menghimpunkan hampir 6,000 orang atlet dan pegawai dan merupakan penyertaan terbanyak sepanjang kejohanan tahunan ini dianjurkan. Kejohanan ini melibatkan 20 buah kontinjen yang disertai oleh 19 buah IPTA dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang menyertainya buat kali pertama. Kejohanan ini dirasmikan dengan gilang-gemilang oleh Canselor UniMAP, DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail. Dalam kejohanan ini UniMAP tidak hanya cemerlang sebagai pengajar bahkan turut menempatkan diri di tangga ketiga mengikut jumlah rangkul pingat dengan meraih empat pingat emas, enam pingat perak dan satu pingat gangsa. Pencapaian ini merupakan pencapaian yang amat membanggakan bagi sebuah universiti junior di Malaysia. Selain itu, UniMAP turut mencatat kejayaan cemerlang di Kejohanan Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia Kali Ke-5 Tahun 2007 dengan membawa pulang tujuh pingat emas, enam pingat perak dan tiga pingat gangsa. Pencapaian tersebut meletakkan Kontinjen UniMAP di tempat ketiga di belakang Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dari segi kutipan pingat.

Untuk mengukuhkan jaringan akademik dan penyelidikannya, sehingga akhir 2007, sekitar 28 MOU dan MOA dalam bidang pendidikan dan penyelidikan ditandatangani oleh UniMAP dengan pihak industri, universiti setempat, universiti luar negara, institusi penyelidikan sama ada di dalam atau luar negara. Antaranya ialah La Trobe University, Australia; Thaksin University Thailand; Infineon Technologies (Kulim) Sdn. Bhd.; dan Universiti Malaysia Kelantan. Dengan termeterainya perjanjian persefahaman yang berkaitan, UniMAP melaksana program pertukaran mahasiswa ke beberapa buah institusi pengajian tinggi di luar negara.

VICE CHANCELLOR'S REPORT



Another function is to coordinate seminars such as public lecture that are related with academic. This unit is also a referral centre and advisory service to educational centre that intends to organize national level seminar and / or international. In long time span, UPL functions to market expertise and technology that can help UniMAP to generate university's finance internally.

In order to extend his academic access, UniMAP has also offered new education program namely Bachelor Degree in Engineering (Polymer Engineering) operated by School of Materials Engineering. With this new programme, through eight learning centres, UniMAP, now has 16 bachelor degree programmes. Under the flagship of this eight learning centres, UniMAP has received entry of 1,388 new students for academic session 2007/08 with the composition of 294 diploma programmes and, 133 degree programmes. At postgraduate level, UniMAP has received as many as 66 people new students enrolled in Masters Degree in Science (overall total is 113 or 2.98% from the overall number of student) and 14 new PhD students (current number of PhD student is 44 people or 1.16% from the overall number of student).

Total number of students graduated in the 2nd Convocation held on 17th August 2007 were about 559 students; 550 students were from the ten's undergraduate engineering programmes offered and another nine were master's students. UniMAP has also awarded Honorary Degree to Y. Bhg. Dato' Ramli Abas, the board chairman (Universiti's Director) as an appreciation for his support to the university. Royal education awards was also given for the first time in this grand ceremony to the two best undergraduates students: Mohammad Sabry Alias from Communication Engineering and How Kian Boon from Manufacturing Engineering.

Research plays a vital role indeed to determine the educational quality of one university. UniMAP has successfully moved his research to a more convincing level. During the year of 2007, UniMAP researchers have received a total of RM5,249,912.00 of Science Fund's grant allocation and short-term grant total of RM209,000.00. UniMAP has also accepted a worth research grant US\$19,000 under Agilent Diversity Grant.

In the current year, UniMAP is able to embrace various medals for each products of research. From 28 products of research sent to 18th International Invention Exhibition, Innovation, Industrial Design & Technology Exhibition (ITEX), UniMAP has been awarded six gold medals, 11 silver medals and nine bronze medals. More to be proud of was when two research outputs produced by UniMAP

endued Special International Award: I; Silicon Nanowire's products of research received Genius Award from Hungary, while the Kayan's research products 1: A Particle Board From Rice Husk was accredited as best products of research and received the International Federation Of Inventors Award (IFI). UniMAP has also forged a success in Malaysian Technology Expo Exhibition (MTE) 2007 when all the three research products were recognized. Furthermore, in PECPITA Exhibition, as many as 27 products of research were being exhibited and ten from them were accredited. Altogether UniMAP was awarded one gold medal, four silver medals and five bronze medals.

UniMAP has also forged outstanding success at the international show research with one gold medal, a silver medal and two bronze medals in Geneva, 35th International Exhibition Of New Techniques and Products Invention; a gold medal at International WARSAW Invention Show-IWIS, and a silver medal in International Trade Fair-Ideas-Inventions-New Products Exhibition (IENA 2007), and a gold medal at Brussels Innova Energy Exhibition (EUREKA).

UniMAP participation in the field of sports has also shown an outstanding achievement in 2007. From 16-23 June 2007, UniMAP was chosen to be the host for the 32th Inter-Varsity Staff Sport Event. This event has successfully gathered almost 6,000 athletes and officers; make it a largest participation this annual event ever had. This championship involved 20 contingents from all 19 IPTAs and this event also seen the first participation of Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. This championship was inaugurated with splendid opening ceremony by Chancellor of UniMAP, DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail. This grand event also witnessed UniMAP as not only excel as the organiser but also good as participant when being placed in the third position with a total of four gold medals, six silver medals and a bronze medal. Apart from that, UniMAP broke the record with outstanding success in Kejohanan Sukan Persatuan Badan Berkanan Malaysia Kali Ke-5 Tahun 2007 and received seven gold medals, six silver medals and three bronze medals. This achievement has put UniMAP's Contingen in the third place behind City Hall Kuala Lumpur (DBKL) And National University of Malaysia (UKM) by the collection of medal.

To consolidate academic and research network, until the end of 2007, around 28 MOU and MOA in the field of research and education were signed by UniMAP with the industrial parties, local and overseas universities and also research institutions either within or outside the country. Some of them include La Trobe University, Australia;

LAPORAN NAIB CANSELOR

UniMAP

Dalam Januari 2007, enam orang mahasiswa UniMAP yang dipilih khas telah dihantarkan ke Tampere University of Technology (TUT), Finland untuk menjalani pendedahan kuliah dan makmal selama empat bulan. Jika kumpulan pertama yang mengikuti program ini dalam tahun 2006, ketiga-tiga orang mahasiswa dibiayai sepenuhnya oleh UniMAP, namun bagi kumpulan kedua yang menjalani program ini mulai 21 Januari 2007 hingga 27 Mei 2007, 90% daripada perbelanjaan mahasiswa dibiayai oleh universiti. Seorang daripada peserta yang terlibat merupakan anak Perlis yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri Perlis sebanyak RM 10,000), dan 10% lagi ditanggung oleh pelajar sendiri. Sebagai salingan, dua orang mahasiswa dari TUT menjalani program pertukaran mahasiswa di UniMAP mulai 3 Januari 2007 hingga 13 Mei 2007. Dengan kehadiran mereka jumlah mahasiswa TUT yang mengikuti program ini ialah sebanyak empat orang (dua orang telah tamat mengikuti program ini pada semester pertama sesi 2006/2007). Selain daripada jaringan dengan universiti Finland, lima orang mahasiswa UniMAP dihantarkan juga ke Universiti Trisakti, Jakarta, Indonesia bagi tempoh 12 Mac 2007 sehingga 28 Jun 2007. UniMAP pula telah menerima empat orang mahasiswa dari Universiti Trisakti yang mengikuti pengajian di Pusat Pengajian Sistem Elektrik.

Hubungan UniMAP dengan industri diterjemah dalam program Pendedahan Industri (IndEx), Kursus Keusahawanan Teknologi (IndEnt), lawatan-lawatan ke industri, Program Latihan Industri (InTra), Majlis Makan Malam Bersama Industri, Program Industrial Skills Enhancement (INSEP) dan perkhidmatan perundingan. Dalam tahun 2007, sebanyak 306 orang mahasiswa berjaya ditempatkan di pelbagai industri untuk menjalani Latihan Industri (62% di industri setempat, 15% di sektor kerajaan, 13% di syarikat-syarikat multinasional, dan 10% di syarikat-syarikat yang berkaitan dengan kerajaan). Di samping itu, sebanyak RM465,264.00 berjaya dijana melalui aktiviti perkhidmatan perundingan. Meskipun jumlah ini masih kecil, namun tanda-tanda aktiviti penjanaan kewangan secara dalaman ini dijangka berpotensi untuk berkembang pada masa akan datang.

Di samping aktiviti-aktiviti operasional berjalan dengan rancaknya di bawah konsep kampus teragih, pembangunan kampus tetap UniMAP di Ulu Pauh, Perlis terus berkembang mengikut perancangan. Untuk menyelaraskan dan memantau perkembangan kerja-kerja yang semakin bercambah dan kompleks Unit Pengurusan Projek Kampus Tetap ditubuhkan dalam bulan Januari 2007 setelah perkhidmatan konsultan pengurusan projek ditamatkan dalam bulan November 2006. Dalam tahun 2007 pakej 2 pembangunan yang melibatkan pembinaan

Putus Pengajian Kejuruteraan Pembuatan dan Putus Pengajian Kejuruteraan Mekatronik yang menelan belanja sebanyak RM115 juta dilancarkan dalam bulan Februari, dan dijangka siap dalam tahun 2009. Sehingga 30 Disember 2007, 30% daripada keseluruhan projek mengikut skop kerja pakej 2 ini berjaya disiapkan, dan menelan belanja sebanyak RM40 juta.

Selain daripada pelaksanaan projek pakej 2, dalam tahun semasa dilaksana juga kerja-kerja penyediaan kemudahan infrastruktur misalnya pembinaan rangkaian jalan raya, sistem bekalan air, sistem saliran dan sistem pembetungan untuk memudahkan kerja-kerja pembangunan yang melibatkan projek-projek yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9). Di samping itu, reka bentuk konsep bagi pakej 3 (bangunan Perpustakaan, PPK Bahan, Pusat Islam, Jabatan Pembangunan, bangunan Hel-ehwal Pelajar, kompleks dewan kuliah, gelanggang sukan dan dewan serba guna) dan pakej 4 (Jabatan Canselor, PPK Mikroelektronik dan Pusat Kejuruteraan) turut diusahakan secara serentak.

